



# SYAYKH MUHAMMAD SALIM MUHAYSIN: TOKOH ILMU *QIRA'AT DI ABAD KE 20*

Oleh:  
Sabri Mohamad (FPI, UKM)  
Prof. Dato' Dr. Zulkifli Hj. Mohd. Yusoff (API, UM)

## ABSTRACT

*This article discusses about Syaykh Muhammad Salim Muhaysin as one of the intellectuals of science of Qira'at in the 20<sup>th</sup> century. The focal objective of this research is to introduce him as one of the enormous scholars of science of Qira'at that had an involvement especially in the science of Qira'at Quraniyyah. The exposure of this scholar is significant due to the fact that none of the writing has comprehensively introduced him to the public. It is a textual analysis and field work study based research. This study concludes that Syaykh Muhaysin is one of the productive and outstanding scholars of science of Qira'at that had a great contribution to this area of specialization and others via the route of teaching, writing and spreading the knowledge.*

## PENDAHULUAN

Kebangkitan ulama' *Qira'at* serta tokoh-tokohnya yang memperkembangkan, dan memartabatkan warisan ilmu tersebut silih berganti, walaupun zaman sentiasa berubah. Nama-nama besar seperti Imam Abu 'Amru al-Dani (wafat 444H), Imam al-Syatibiy (wafat 590H), Ibn al-Jazari (wafat 833H) dan ramai lagi telah memberi jasa bakti yang amat besar kepada kelangsungan Ilmu *Qira'at* melalui usaha-usaha ilmiah mereka yang amat gigih. Usaha dan kegigihan tersebut sewajarnya dijadikan sebagai penyuntik semangat oleh generasi terkemudian demi memartabatkan Ilmu *Qira'at* itu sendiri di persadanya yang sepatutnya. Tulisan ini akan memperkenalkan salah seorang tokoh Ilmu *Qira'at* di abad ke 20 yang sangat aktif dan tersohor dalam bidang yang diceburinya semasa hayatnya. Beliau ialah, Al-Marhum Syaykh Muhammad Salim Muhaysin (1929M-2001M),



seorang yang sangat produktif dalam penulisan dan berjaya menghasilkan sebanyak seratus empat buah judul buku samaada dalam pelbagai disiplin Ilmu Islam.

## LATAR BELAKANG KELUARGA

Nama penuh Syaykh Muhaysin ialah Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Salim bin Muhaisin. Dilahirkan pada 11 Februari 1929 Masihi di *Qaryah Rawdah*, Daerah *Faqus*, *Zaqaziq*, Negeri *Syarqiyyah*, Negara Republik Arab Mesir. Jarak lokasi kelahiran beliau dengan Kota Qaherah lebih kurang 100km lebih.<sup>1</sup>

Walaupun dilahirkan dalam keluarga yang serba sederhana<sup>2</sup> namun ayahnya, Muhammad Muhammad Salim Muhaysin seorang petani yang amat menitikberatkan didikan agama anak-anaknya. Beliau dan isterinya, *Taqiyyah Muhammad 'Atiyyah* sedaya upaya berusaha agar anak-anak mereka menjadi insan yang lebih baik daripada mereka<sup>3</sup>. Mereka dianugerahkan oleh Allah Taala dengan lima orang cahaya mata, Mahmud, Syaykh Muhaysin, Mustafa, Muhammad Tharwat dan Muhaysin Muhammad<sup>4</sup>.

Atas pilihan keluarga, Syaykh Muhaysin bertemu jodoh dengan Mahasin. Isterinya tersebut sentiasa memberi dorongan dan semangat yang tidak berbelah bagi kepada beliau dalam apa jua perkara yang dilakukan.<sup>5</sup> Hasil perkongsian hidup mereka dikurniakan empat orang cahayamata, Usamah seorang jurutera, Yasir, bekas pegawai kanan polis Mesir (mereka berdua telah menubuhkan Dar Muhaysin<sup>6</sup>), Sa'id, seorang doktor perubatan

1 Lihat Dr. Muhammaad Salim Muhaysin (1978M/1298H), *al-Tadhkirah fi al-Qira'at al-Thalath al-Mutawatirah*, j. 2., al-Qaherah: Maktabah al-Qaherah, h. 378.

2 Lihat lampiran Dr. Muhammad Salim Muhaysin (1992M/1412H), *Huquq al-Insan fi al-Islam*, al-Madinah al-Munawwarah: Matabi' al-Rasyid, h. 268.

3 Temuramah dengan Yasir Muhammad Muhammmad Muhammad Salim Muhaysin anak ke 2 Syaykh Muhaysin yang juga merupakan anak yang paling rapat dengannya. Beliau merupakan bekas pegawai kanan polis Mesir yang pernah berkhidmat di Kementerian Dalam Negeri Mesir. Temuramah, Ahad 17/12/2006, 2.00 petang di pejabat beliau di Rab'ah, Qaherah. Temuramah tersebut dan temuramah-termuramah yang akan disebut nanti adalah hasil lawatan yang dilakukan oleh penulis sendiri pada 12-21 Disember 2006 yang lalu.

4 Temuramah dengan sepupu Syaykh, Muhammad Ibrahim Muhammad Salim Muhaysin, Jumaat 15/12/2006, 9.30 pagi di rumah beliau di Qaryah Rawdah.

5 Ibid.

6 Ditubuhkan pada tahun 2001M. Dorongan utama penubuhannya ialah atas kesedaran ingin menyebarkan segala maklumat yang berkaitan dengan ayah mereka Syaykh Muhaysin. Temuramah dengan Yasir, op.cit.



pakar bedah dan Safa' seorang peguam.<sup>7</sup>

Beliau dan keluarganya akhirnya menetap di *Hadaiq al-Qubbah*, Qaherah. Manakala rumahnya di kampung telah diwaqafkan kepada pihak Kuliyyah al-Dirasat al-Islamiyyah di *Daidamun*, Negeri Syarqiyyah dan untuk kegunaan masyarakat setempat bagi program-program keagamaan seperti nikah kahwin<sup>8</sup>.

Setelah umurnya mencecah 70 tahun dan kontrak beliau dengan Universiti Islam Madinah tamat, beliau kembali ke tanah tumpah darahnya Mesir. Dalam tempoh dua tahun terakhir hayat beliau, beliau masih sempat lagi menulis 16 buah judul buku yang semuanya dihasilkan di kampungnya, *Rawdah*.<sup>9</sup> Dua tahun terakhir sebelum beliau dijemput Ilahi, beliau langsung tidak balik Qaherah kerana memberi tumpuan yang sepenuhnya terhadap penulisannya! Hanyalah baki 6 bulan terakhir beliau akhirnya pulang ke Qaherah dan diuji dengan masaalah jantung, namun beliau enggan memasuki wad walaupun seringkali dipujuk oleh anak-anak.<sup>10</sup> Sehingga pada 2 minggu terakhir hayat beliau (diwaktu itu juga beliau diuji dengsan strok), barulah beliau masuk wad.

Setelah menabur bakti dan jasa yang besar kepada dunia Ilmu *Qira'at* beliau akhirnya menghembuskan nafasnya yang terakhir pada waktu subuh, 5 Mei 2001M ketika berusia 72 tahun. Beliau dikebumikan ditempat kelahirannya sendiri di Qaryah Rawdah-al-Hajir atas wasiat beliau sendiri.<sup>11</sup>

## AKHLAK DAN PERWATAKAN PERIBADI

Insan yang berakhlak mulia serta mempunyai perwatakan peribadi yang luhur akan sentiasa menjadi ikutan dan sanjungan. Selain banyak menabur jasa bakti kepada ilmu, Syaykh Muhaysin turut memiliki akhlak dan sikap yang terpuji, antaranya:

1. Sangat suka menderma. Antara buktinya, beliau telah mewaqafkan rumah kelahirannya sendiri untuk kegunaan program-program keagamaan,

<sup>7</sup> ibid.

8 Temuramah dengan Muhammad Muhammad Fauzi (anak sepupu Syaykh Muhaysin), bekas pelajar Fakulti Perniagaan disalah sebuah Institusi Pengajian Tinggi di Zaqqaziq, 15/12/2006, 10.00 pagi di rumah beliau di Kg. Rawdah.

9 ibid.

10 ibid.

11 Temuramah dengan Muhammad Ibrahim Muhammad Salim Muhaysin, seorang akauntan (sepupu Syaykh Muhaysin), dirumah beliau di Qaryah Rawdah, Jumaat, 15/12/2006, 12.00am.



menderma sebanyak 50,000 pound Mesir dan sejumlah wang lain untuk membaik pulih semula sekolah lamanya dan untuk pembesaran *Masjid al-Hajir*.<sup>12</sup>

2. Seorang yang sangat rajin menulis dan membaca.<sup>13</sup>
3. Beliau akan memperbetulkan secara langsung setiap kesalahan dalam urusan agama bercakap hanya pada yang berfaedah<sup>14</sup>.
4. Menurut Prof. Dr. Ahmad Khalid Yusuf Syukri<sup>15</sup>, Syaykh Muhaysin seorang yang sangat alim dalam bidang Ilmu *Qira'at* dan sangat aktif menuulis<sup>16</sup>.
5. Suka membantu para pelajarnya dalam hal-hal kebijakan atau pun hal-hal yang berkaitan dengan pelajaran.<sup>17</sup>

## MADHHAB

Dalam permasaalah Feqah, Syaykh Muhaysin berpegang kepada Madhhab Syafi'iyy dan manakala dalam akidah beliau berpegang kepada Akidah Ahli Sunnah wa al-Jama'ah. Beliau juga kuat beramal dengan amalan Tarekat Al-Tijani<sup>18</sup> sebagai tarekat pilihannya.<sup>19</sup> Sehinggakan dengan enpengamalan tarekat tersebut juga hampir-hampir menyebabkan beliau dibuang daripada berkhidmat di Universiti Islam Madinah.<sup>20</sup>

---

12 Temuramah dengan Muhaysin Muhammad Muhammad Salim Muhaysin (adik bongsu Syaykh), di rumah beliau di Qaryah Rawdah, Jumaat, 15/12/2006, 2.00pm.

13 Temuramah di dengan Puan Wahibah, isteri kepada Muhammad Fauzi Ibrahim (sepupu Syaykh) di rumah beliau di Qaryah Raudah, Jumaat 15/12/2006, 11.30am.

14 ibid.

15 Prof. dan Ketua Jabatan Usuluddin, Fakulti Syariah, Universiti al-Urduniyyah, Jordan. Syaykh Muhaysin adalah merupakan salah seorang gurunya ketika beliau menjadi penuntut Universiti Islam Madinah peringkat Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah. Temubual ringkas ketika beliau menghadiri Muktamar "Manahij Tafsir al-Quran al-Karim wa Syarh al-Hadith al-Syarif" anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada 17-18 Julai 2006.

16 Ibid.

17 ibid.

18 Satu kumpulan ahli sufi yang diasaskan oleh Abu al-'Abbas Ahmad bin Muhammad bin al-Mukhtar bin Sallam al-Tijani di Maghribi. Salah satu pegangan mereka ialah tidak mencampuri sebarang urusan politik dan tidak memperdulikannya. Lihat Dr. 'Abd al-Mun'im al-Hafni (1993M/1413H), *Maus'ah al-Firaq wa al-Jama'at wa al-Madhabib al-Islamiyyah*, al-Qaherah: Dar al-Rasyad, h. 119.

19 Lihat Muhammad Muhammad Salim Muhaysin (t.t), *Al-Irsyadat al-Jaliyyah fi al-Qira'at al-Sab'min Tariq al-Syatibiyah*, al-Qaherah: Maktabah al-Kuliyyat al-Azhariyyah, h. 3.

20 Tidak dinyatakan orang tersebut oleh anaknya dengan alasan tidak mahu memperbesar-besarkan keaiban orang, cukuplah sekadar untuk pengajaran sahaja.



## PERJALANAN PENGAJIAN

Pendidikan Syaykh Muhaysin bermula di Ma'had al-Hajir yang jaraknya tidak sampai pun satu kilometer dengan rumah beliau.<sup>21</sup> Kemudian beliau memasuki kelas tahniz di Qaryah Bani Soleh<sup>22</sup>. Guru tahniz beliau yang pertama beliau ialah Syaykh Muhammad al-Sayyid 'Azab<sup>23</sup>. Syaykh inilah yang banyak membentuk syakhsiah beliau sebagai penghafal al-Quran yang berketerampilan<sup>24</sup>. Apabila hafalan sudah mantap, beliau mula mempelajari Ilmu Tajwid dengan lebih seruis dan mendalam daripada Syaykh Muhammad Mahmud di Qaryah Aulad Sarrar<sup>25</sup> yang lokasinya juga tidak jauh dari kampung Syaykh Muhaysin. Manakala guru Tajwidnya yang kedua ialah Syaykh Mahmud Bakr<sup>26</sup>.

Peringkat pengajian tinggi Syaykh bermula pada tahun 1945 setelah berjaya memasuki Ma'had Qira'at al-Azhar, Qaherah pada tahun penubuhannya (pada tahun tersebut).<sup>27</sup> Beliau mempelajari Ilmu *Qira'at* dan mendalaminya daripada gurunya Syaykh 'Amir al-Sayyid 'Uthman<sup>28</sup> yang berlanjutan sehingga tujuh tahun (bermula pada tahun 1946M hingga 1953M).<sup>29</sup> Melihat kepada kebolehan dan kehebatan yang dimiliki oleh Syaykh Muhaysin, Syaykh 'Amir telah menganugerahkan sanad *Qira'at* yang khusus kepada muridnya tersebut serta mengizinkannya untuk mengajar dan memperkembangkan ilmu tersebut. Manakala guru beliau dalam Ilmu Rasm dan Ilmu Dabt al-Quran ialah Syaykh Ahmad Muhammad Abu Zit Har<sup>30</sup>.

21 Lihat lampiran Dr. Muhammad Salim Muhaysin (1978M), *Al-Tadhkirah fi al-Qira'at al-Thalath al-Mutawatirah*, j. 2., op.cit., h. 378.

22 Ibid, j., h. 378.

23 Alim al-Quran yang berasal daripada Kg. al-Hijamiyyah al-Qadimah, Bani Soleh, al-Zaqaziq, Negeri Syarqiyyah. Tidak diketahui tarikh meninggalnya.

24 Temuramah dengan Muhammad Muhammad Fauzi Muhammad Fauzi, op.cit.

25 Tidak diketahui riwayat hidupnya.

26 Juga tidak diketahui latarbelakang riwayat hidupnya.

27 Dr. Muhammad Salim (1978), *al-Tadhkirah fi al-Qira'at al-Thalath al-Mutawatirah*, op.cit., j. 2. h. 378.

28 Alim *Qira'at* yang memiliki sanad al-Quran yang tinggi, lahir 1900M di Kg. Malamis, Markaz Minya al-Qamh, Negeri Syarqiyyah. Pernah mengajar di al-Azhar, Ketua Persatuan Qari', ahli jawatankuasa Penyemakkan al-Quran al-Azhar dan di Sa'udi 'Arabiah dll. Lihat Prof. Dr. Muhammad Salim Muhaysin (2002M/1423H), *Tarajim li Ba'd 'Ulama' al-Qira'at, al-Qaherah*: Dar Muhaysin, h. 7-9.

29 Lihat lampiran Prof. Dr. Muhammad Salim Muhaysin (2003M/1424H), *al-Lo 'lo' al-Manthur fi Tafsir al-Quran bi al-Ma 'thur*, j. 2. al-Qaherah: Dar Muhaysin.

30 Pernah menyandang jawatan syaykh Ma'had Qira'at al-Azhar dan pernah mengajar di Universiti Um Darman, Sudan. Antara karangan beliau yang masih lagi diguna pakai di Ma'had tersebut ialah kitab *Lataif al-Bayan fi Rasm al-Quran*. Lihat Dr. Muhammad



Setelah berpenat lelah dan bertungkus lumus menuntut ilmu, maka pada tahun 1948 Syaykh Muhaysin berjaya meraih Syahadah al-'Aliyah (peringkat pengajian *Qira'at Sab'ah*). Beliau meneruskan lagi pengajiannya ke peringkat *Takhassus Qira'at* (tahap pengajian *Qira'at 'Asyarah*) pada tahun 1953 dan berjaya meraih Syahadah Takhassus Qiraat dan 'Ulum al-Quran dengan mendapat tempat yang kedua.

Walaupun sibuk dengan aktiviti-aktiviti pengajaran, Syaykh Muhaysin sentiasa bersemangat untuk melanjutkan pelajarannya. Justeru itu, ketika mengajar di Ma'had Gazza, Palestin (1964-1967) beliau melanjutkan pelajarannya di Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab di Universiti al-Azhar dan berjaya meraih ijazah pertamanya pada tahun 1967.<sup>31</sup> Berikutnya ketika mengajar di Universiti Islam di Um al-Darman (1970-1973) dan di Fakulti al-Adab, Universiti al-Khartum, Sudan (1973-1976), beliau mengambil kesempatan melanjutkan pelajarannya di peringkat sarjana di Fakulti al-Adab, Universiti al-Qaherah cawangan Khartum dan berjaya dengan jayanya. Beliau meneruskan pengajiannya di peringkat Doktor Falsafah juga di universiti yang sama<sup>32</sup> dan Berjaya menggenggamnya dengan cemerlang pada tahun 1976.

## KEISTIMEWAAN

Keistimewaan yang ingin ditonjolkan di sini ialah sekadar untuk menunjukkan betapa insan yang telah banyak berbakti kepada agama dan masyarakat dengan ikhlas telah mendapat kemuliaan daripada Penciptanya. Berikut beberapa:

1. Menurut anaknya Usamah, ketika ayahnya hendak mengambil surat perakuan berhenti kerja daripada Universiti Islam Madinah, tiba-tiba Ketua Universiti pada masa tersebut (dirahsiakan namanya) menawarkan semula penyambungan kontrak kerja. Dengan kehairanan, Syaykh menanyakan sebab beliau ditawarkan semula? Ketua tersebut menyatakan bahawa malam tadi ia bermimpi berjumpa dengan Rasulullah (s.a.w) yang mengucapkan kata-kata berikut:<sup>33</sup>

---

Salim Muhaysin (1976M/1396H), *al-Muhadhdhab fi al-Qira'at al-'Asyr wa Tawjihihā*, j. 2., al-Qaherah: al-Matabi' al-Amiriyyah, h. 440 dan lihat muka depan Syaykh Ahmad Muhammad Abu Zit Har (1977M/1397H), *Lataif al-Bayan fi Rasm al-Quran*, al-Qaherah: Matabi' Dar al-Sya'b.

31 Ibid, j. 2. h. 379.

32 Tesis Ph.D beliau telah divivakan di Kampus Induk di Qaherah. Temuramah dengan Muhammad Ibrahim Muhammad Salim Muhaysin, op.cit.

33 Temuramah dengan Usamah, op.cit.



Maksudnya:

محسین هذا حبیی وابنی ولن بتركنی!

*Muhaysin ini adalah ‘kekasihku’ dan ‘anakku’ dan dia tidak akan sekali-kali akan meninggalkanku!*

2. Yasir menceritakan, pernah dia bersama-sama dengan ayahnya melawat Masjid al-Imam al-Husayn di Qaherah dan tiba-tiba beliau terhidu bauan yang sangat wangi. Lantas beliau menanyakan ayahnya dari manakah datangnya bau wangi tersebut? Syaykh menjawab bahawa itulah bau wangi Rasulullah (s.a.w)!<sup>34</sup>

## ANAK-ANAK MURID

Syaykh Muhaysin pernah berkata: “... Sesungguhnya aku mengajar Ilmu *Qira'at* dan *Tajwid* kepada anak-anak Islam melebihi 30 tahun dan aku amat bersyukur kepada Allah Taala”.<sup>35</sup> Justeru itu, tidak hairanlah beliau telah banyak melahirkan generasi pelajar yang mewarisi Ilmu *Qira'at* al-Quran. Berikut beberapa nama yang merupakan anak didik beliau dalam bidang pengajian tersebut:

1. Prof. Dr. Ahmad Khalid Yusuf Syukri: Pensyarah Jabatan Usuluddin, Fakulti Syariah, Universiti Yarmuk, Jordan. Dilahirkan pada tahun 1960 dan banyak menulis dalam bidang *Qira'at*, *Tajwid* dan *Tafsir*, antaranya: *Muqaddimat fi Ilm al-Qira'at*, *al-Munir fi 'Ilm al-Tajwid*, *al-Muzhir* dan lain-lain.<sup>36</sup> Beliau menjadi salah seorang anak murid Syaykh Muhaysin ketika menuntut di Universiti Islam Madinah<sup>37</sup>
2. Syaykh 'Abd. al-Haq 'Abd. al-Daim Sayf al-Qadi, pentahqiq kitab “*Jamal al-Qurra' wa Kamal al-Iqra'*”. Usaha *tahqiq* tersebut dilakukan untuk meraih ijazah Doktor Falsafah di bawah seliaan Syaykh Muhaysin.<sup>38</sup>

34 Temuramah dengan Yasir, op.cit.

35 Lihat Prof. Dr. Muhammad Salim Muhaysin (2002M/1424H), *Ahadith Diniyyah wa Thaqafiyah fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah*, al-Qaherah: Dar Muhaysin, h. 56.

36 lihat Qism Dirasat al-Quran wa al-Sunnah Kuliyyah M'arif al-Wahy wa al-'Ulum al-Insaniyyah al-Jami'ah al-Islamiyyah al-'Alamiyyah bi Malizia (1427H), “al-Sair al-Zatiyah al-Kamilah li al-Bahithin,” Mu'tamar ‘Alami ‘an Manahij Tafsir al-Quran al-Karim wa Syarh al-Hadith al-Syarif, Jil. 1, 21–22 Jamadil Akhir 1427H, hh. 5 – 60, CD.

37 Prof. Dr. Ahmad Khalid Syukri (1427H), “Manahij al-Mufassirin fi Zikr al-Qira'at wa al-Isti'anah biha fi al-Tafsir”, Mu'tamar ‘Alami ‘an Manahij Tafsir al-Quran al-Karim wa Syarh al-Hadith, Jil. 2, 21-22 Jamadil Akhir 1427H, hh. 35-54.

38 Lihat Abu al-Hasan 'Ali b. Muhammad b. 'Abd al-Samad 'Alam al-Din al-Sakhawi (1999M/1419H), tahqiq: ‘Abd. al-Haq ‘Abd. al-Daim Sayf al-Qadi, *Jamal al-Qurra' wa Kamal al-Iqra'*, j. 1. Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqafiyah, h. 5.



3. Ustaz Khairul Anuar Mohamad, pensyarah Fakulti al-Quran dan al-Quran, Universiti Sains Islam Malaysia.
4. Ustaz Rudaini Harun, guru Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Terengganu, Terengganu dan lain-lain.

## RAKAN-RAKAN SEANGKATAN

Antara rakan-rakan beliau yang terkemuka ialah:<sup>39</sup>

1. Syaykh ‘Abd al-Mansur ‘Arafah: Alim *Qira’at* yang dilahirkan di Wilayah Asyut, Mesir pada tahun 1929. Antara penulisan beliau ialah, *Kitab al-Rayyahin al-‘Atirah*, sebuah kitab yang membahaskan *Qira’at Syadhdhah*.<sup>40</sup>
2. Syaykh Ibrahim ‘Atwah ‘Iwad: Alim *Qira’at* yang banyak mentahqiq kitab *Qira’at* seperti, *Ibraz al-Ma’ani min Hirz al-Amani*, oleh Imam Abu Syamah,<sup>41</sup> *Kitaban fi al-Qira’at al-‘Asyr*,<sup>42</sup> oleh Syaykh al-Dabba’.<sup>43</sup>
3. Syaykh Rizq Khalil Habbuh: Alim *Qira’at* yang juga merupakan mantan nazir bahagian *Qira’at* di Al-Azhar dan pernah dilantik sebagai salah seorang pakar rujuk ahli jawatankuasa pentashihan al-Quran juga di Al-Azhar.<sup>44</sup>
4. Prof. Dr. Sya’ban Muhammad Isma’il, mantan profesor Fiqh dan Usul, Universiti al-Azhar. Antara karya-karya beliau ialah, *Al-Qira’at Ahkamuha wa Masdaruhha, Ma’a al-Quran al-Karim* dll.<sup>45</sup>

39 Lihat Prof. Dr. Muhammad Salim Muhaysin (2003M/1423H), *Tarajim li Ba’d ‘Ulama’ al-Qira’at*, op.cit. h. 9.

40 Lihat ‘Abd al-Muta’al Mansur ‘Arafah (1987M/1408H), *Kitab al-Rayyahin al-‘Atirah*, Bayrut: al-Maktabah al-‘Asriyyah, h. 5-7.

41 Imam *Qira’at* yang sangat alim dalam banyak ilmu lain. Lahir 599H dan wafat pada 665H. Lihat Ibn al-Jazari (t.t), *Ghayah al-Nihayah Fi Tabaqat al-Qurra*’, op.cit., j. 1. h. 365-366.

42 Kitab yang membincarkan *Qira’at ‘Asyarah* melalui penggabungan syarah matan al-Syatibiyah dan matan al-Durrah, oleh Imam Ibn al-Jazari. Lihat kulit depan Syaykh ‘Ali Muhammad al-Dabba’ (1974M/1404H), *Kitaban fi al-Qira’at al-‘Asyr*, tahqiq: Ibrahim ‘Atwah ‘Iwad, Kaherah: Matba’ah Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy wa Auladuh.

43 Alim *Qira’at* Mesir yang sangat hebat dan banyak menulis. Pernah dilantik menjadi Ketua Qurra’ Mesir. Lihat ‘Abbas Taha al-Muhami (1369H), “Masyyakhah al-Maqari” al-Masriyyah fi ‘Ahdiha al-Hadir”, *Majallah Kunuz al-Furqan*, Bil. 1&2, Muharram & Safar, hh. 30-46.

44 Dr. Muhammad Salim Muhaysin (1976M/1396H), *al-Muhaddhab fi al-Qira’at al-‘Asyr wa Tawjihihha min Tariq Tayyibah al-Nasyr*, j. 2. Kaherah: al-Matabai’ al-Amiriyyah, h. 443.

45 Lihat mukadimah Prof. Dr. Muhammad Salim Muhaysin dan Prof. Dr. Sya’ban



## GURU-GURU

Syaykh Muhaysin banyak berguru dengan guru-guru yang berketrampilan dan terkemuka. Kesungguhan dan usaha beliau demi meraih ilmu tidak hanya terhenti dalam bidang al-Quran semata-mata, bahkan kepada banyak Ilmu Pengajian Islam lain seperti Feqah, Tawhid, Tafsir dan lain-lain<sup>46</sup>.

Antara guru-gurunya,<sup>47</sup> Syaykh Muhammad al-Sayyid ‘Azzab Syaykh Muhammad Mahmud dan Syaykh Mahmud Bakr, Syaykh ‘Abd al-Fattah al-Qadi,<sup>48</sup> Syaykh Mahmud Da’bis, Syaykh ‘Amir al-Sayyid ‘Uthman, Syaykh Ahmad Muhammad Abu Zit Har, Syaykh Mahmud Da’bis, Syaykh Ahmad ‘Abd al-Rahim dan Syaykh Mahmud ‘Abd al-Daim, Syaykh Yasin Suwaylam, Syaykh Anis ‘Ubada, Syaykh ‘Abd al-‘Aziz ‘Ubayd dan lain-lain.

## PUJIAN DAN PENGIFTIRAFAN PARA ULAMA'

Seseorang hamba Allah Taala yang meninggalkan amalan-amalan atau jasa-jasa bakti yang bermanfaat maka sudah pasti ianya akan menjadi sanjungan dan kenangan sepanjang zaman. Begitulah juga dengan Syaykh Muhaysin, yang telah mendapat pujian dan sanjungan tinggi daripada banyak ulama'. Antaranya:

1. Menurut Syaykh Ahmad ‘Abd al-Rahim<sup>49</sup>, Syaykh Muhaysin<sup>50</sup> adalah

Muhammad Isma'il (2003M/1424H), *Kalimat al-Quran*, c. 8. Kaherah: Dar Muhaysin.

46 Akan disenaraikan nanti semua penulisan beliau yang merangkumi pelbagai bidang.

47 Banyak nama yang akan disebut nanti tidak dapat diketahui riwayat hidup masing-masing, namun yang pasti mereka adalah guru-guru yang membimbang Syaykh Muhaysin. Senarai guru-gurunya disebut dalam banyak buku-buku cetakan Dar Muhaysin (yang diasaskan pada tahun 2001 oleh anak-anak beliau), antaranya lihat lampiran Prof. Dr. Muhammad Salim Muhaysin (2002M/1423H), *al-Qaul al-Sadid fi al-Difa' 'an Qira'at al-Quran al-Majid*, Kaherah: Dar Muhaysin.

48 Alim *Qira'at* yang banyak menulis, terutamanya bidang tersebut. Dilahirkan di Damanhur, Negeri al-Bahirah pada tahun 1320H dan meninggal pada 1403H. Antara jawatan yang pernah dipegang Mudir Ma'had Qira'at al-Azhar, Syubra, Ketua Jawatankuasa Semakan al-Quran al-Azhar, pensyarah Universiti Islam Madinah dll. Lihat Dr. ‘Abd al-‘Aziz al-Qari’ (1402H), op.cit., Bil. 1. 1402H/1403H, h. 297-320 dan Dr. Muhammad Salim Muhaysin (1980M/1400H), *Fi Rihab al-Quran al-Karim*, j. 1. Maktabah al-Kuliyyat al-Azhariyyah: Kaherah, h. 4.

49 Beliau merupakan salah seorang tenaga pengajar Ma'had Qira'at al-Azhar Syubra, Kaherah yang sangat alim dalam bidang *Qira'at* dan menghafal segala matan-matan ilmu-ilmu pengajian Islam. Lahir pada tahun 1951 dalam keadaan cacat penglihatan namun memiliki hati yang ‘cerah’ dan minda yang cerdas. Banyak pelajar Malaysia yang belajar al-Quran dan *Qira'at* dengannya samaada di dalam ataupun luar kelas. Beliau juga salah seorang guru penulis ketika belajar di institusi tersebut pada 1993-1995.

50 Pengenalan tersebut ketika beliau menuntut di Ma'had Qira'at al-Azhar Syubra yang



merupakan seorang pelajar yang sangat rajin dan kurang bercakap banyak.<sup>51</sup>

2. Antara pujian (yang menjurus kepada karya-karya Syaykh Muhaysin) Syaykh ‘Abd al-Fattah al-Qadi, “Syaykh Muhaysin banyak menulis tulisan-tulisan yang amat berfaedah, bernilai dan menarik”,<sup>52</sup> ulasan terhadap kitab “al-Muhaddhab”, “Aku dapati apa yang ditulis (merujuk kitab tersebut) oleh Syaykh Muhaysin antara yang terbaik dalam ilmu tersebut”,<sup>53</sup> dll.

3. Syaykh Rizq Khalil Habbuh berkata: “Jika sekiranya Syaykh Muhaysin bukan kawanku, nescaya aku akan katakan bahawa kitab tersebutlah (merujuk kepada al-Muhadhdhab) yang paling bermanfaat dan paling mudah untuk sesiapa sahaja yang ingin menguasai Ilmu *Qira’at*”<sup>54</sup>.

4. Rakaman pujian Kementerian Hal Ehwal Agama dan Waqaf, Sudan setelah terbitnya buku “al-Mujtaba fi Takhrij Qira’ah Abi ‘Amr al-Duri” dengan mengatakan bahawa ianya adalah usaha besar yang pertama dalam bidangnya yang belum ada seumpamanya...<sup>55</sup>

Walaupun kebanyakan pujian dan penghargaan yang diraih lebih banyak terarah kepada penulisan-penulisan, namun ianya sudah cukup membuktikan bahawa penulisnya adalah seorang yang alim, hebat, cintakan ilmu, teliti, dan mempunyai daya kemahuan yang amat tinggi demi memartabatkan Ilmu *Qira’at*. Sememangnya insan yang berjasa yang melakukan kerja-kerja dengan penuh ikhlas akan sentiasa tersemat di hati generasi berikutnya.

---

mana tahap pembelajaran beliau masih di peringkat bawah sedangkan Syaykh Muhaysin sudah pun di peringkat tinggi.

51 Temubual pada Khamis, 14/12/2006, 8.30 pagi di Ma’had Qira’at al-Azhar Syubra, Mesir.

52 Dr. Muhammad Salim Muhaysin (1980M/1400H), *Fi Rihib al-Quran al-Karim*, op.cit., j. 1. h. 5.

53 Lihat Dr. Muhammad Salim Muhaysin (1976M/1396H), *al-Muhaddhab fi al-Qira’at a’-Asyr wa Tawjihihā*, j. 2., op.cit. h. 439.

54 Ibid, j. 2., h. 443.

55 Lihat Prof. Dr. Muhammad Salim Muhaysin (2003M/1423H), *al-Mujtaba fi Takhrij Qira’ah Abi ‘Amr al-Duri*, c. 4., Kaherah: Dar Muhaysin, h. 2.



## SUMBANGAN SYAYKH MUHAYSIN DALAM ILMU *QIRA'AT*

Syaykh Muhaysin telah memberi sumbangan dan jasa yang amat besar kepada dunia Ilmu *Qira'at* secara khususnya dan Ilmu-Ilmu Islam lain amnya. Beliau sering berdoa kepada Tuhannya agar Ia sentiasa mentaufikkannya untuk berkhidmat kepada ilmu dan al-Quran.<sup>56</sup>

### 1. PANDANGAN DAN PEMIKIRAN DALAM ILMU *QIRA'AT*

Antaranya secara ringkas:

1. Al-Quran dan *al-Qira'at* adalah dua perkara yang sama maknanya.

Hujah-hujahnya:

- a. Definasi al-Quran dan *al-Qira'at* adalah sama dan kedua-duanya adalah wahyu.
- b. Banyak *hadith sahih* yang menunjukkan kepada persamaan tersebut, antaranya:

... إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكَ أَنْ تَقْرَأَ أَمْتَكَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ، فَإِيمَا حَرْفٌ قَرَءُوكُمْ عَلَيْهِ فَقَدْ أَصَابُوكُمْ ...<sup>57</sup>

Maksudnya:

“... (*Jibril berkata kepada Rasulullah (s.a.w)*), sesungguhnya Allah telah menyuruh engkau membacakan al-Quran kepada umatmu dengan huruf tujuh, maka mana-mana huruf yang mereka baca, sesungguhnya mereka telah betul”.

- c. *Masdar* bagi lafaz ‘al-Quran’ ( القراءة ) ialah: ( القرآن ) dan lafaz *al-Qira'at* ( القراءات ) adalah kata *jam'* bagi: ( القراءات ). Justeru itu, al-Quran dan *al-Qira'at* adalah dua hakikat yang sama kerana kedua-duanya adalah merupakan wahyu yang diturunkan.<sup>58</sup>

56 Dr. Muhammad Salim Muhaysin (1992M/1412H), *Mu'jam Huffaz al-Quran 'abr al-Tarikh*, j. 1. Beirut: Dar al-Jayl, h. 519-520

57 Muslim b. al-Hajjaj b. Muslim al-Qusyairi Abu al-Hasan, (1987M/1407H), *Sahih Muslim*. jil. 2, juz. 6, Kitab Solah al-Musafirin wa Qasriha, Bab Bayan an al-Quran ‘ala Sab’ah Ahruf wa Bayan Ma’nah, Dar al-Rayyan li al-Turath: Kaherah, h. 103-104.

58 Dr. Muhammd Salim Muhaysin (1988M/1408H), *al-Mughni*, j. 1. Dar al-Jayl: Beirut, h. 46-47.



Pendapat ini sebenarnya menolak pendapat Imam al-Zarkasyi yang mengatakan bahawa al-Quran dan *al-Qira'at* adalah dua hakikat yang berbeza. Alasannya bahawa al-Quran ialah wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad (s.a.w.) sebagai penjelasan dan mukjizat dan *Qira'at* pula ialah perselisihan pada lafaz-lafaz wahyu yang terdapat pada huruf-hurufnya dan cara bacaannya samadaa ianya bacaan *takhfif*, *tasydid* dan lain-lain lagi.<sup>59</sup> Penulis berpendapat, antara al-Quran dan *al-Qira'at* ada titik persamaan dan perbezaan. Persamaannya ialah pada hak taraf penurunan daripada wahyu Allah (s.w.t.) dan perbezaannya pula ialah bahawa *Qira'at* dengan kepelbagaiannya wajah bacaannya tidak terdapat pada semua kalimah al-Quran pada satu-satu masa, bahkan ianya terdapat pada kalimah-kalimah tertentu sahaja.

2. **Isu perselisihan penjelasan maksud *Ahruf Sab'ah*:** Syaykh Muhaysin mentarjihkan dengan kuat<sup>60</sup> pendapat yang diriwayatkan daripada Saydina 'Ali dan Ibn 'Abbas (r.a) yang mengatakan bahawa maksud *Ahruf Sab'ah* dalam banyak *hadith saih* ialah penurunan *Qira'at* dengan mengikut setiap lahirah etnik Arab.<sup>61</sup>
3. **Definisi *Qira'at*:** Menurut Syaykh Muhaysin, Ilmu *Qira'at* ialah: “Suartilmutatacarapratikalkalimah-kalimahal-Quran,perselisihannya samaada *takhfif* dan *tasydid* dan perselisihan bacaan lafaz-lafaz wahyu pada huruf-hurufnya yang disandarkan kepada pembawanya”.<sup>62</sup>

## 2. SUMBANGAN KEPADA AKADEMIK DAN MASYARAKAT

Curahan khidmat akademik beliau menjangkaui ke luar sempadan bumi Mesir. Berikut perjalanan sumbangan akademik beliau<sup>63</sup>:

1. Selepas memperolehi Syahadah Takhassus pada tahun 1952 beliau

59 Lihat al-Imam Badr al-Din Muhammad b. 'Abd Allah al-Zarkasyi (1988M/1408H), *tahqiq: Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim*, j. 1. *al-Burhan fi 'Ulum al-Quran*, Dar al-Jayl: Bayrut, h. 318.

60 Beliau menyatakan, bahawa pendapat tersebut dikeluarkan selepas mana beliau mengkajinya dengan mendalam dan dalam tempoh yang panjang. Lihat Dr. Muhammad Salim Muhaysin (1988M/1408), *al-Mughni*, j. 1. h. 57.

61 Lihat ibid, j. 1. h. 59 & 75.

62 Lihat Dr. Muhammad Salim Muhaysin (1978M/1389H), *al-Muqtabis min al-Lahjat al-'Arabiyyah wa al-Quraniyyah*, Maktabah Kaherah: Kaherah, h. 66.

63 Temuramah dengan Usamah, anak sulung Syaykh yang juga merupakan seorang jurutera di pejabat beliau, Ahad 17/12/2006, 1.00 tengah hari dan lihat Dr. Muhammad Salim Muhaysin (1992M/1412H), *Mu'jam Huffaz al-Quran 'Abr al-Tarikh*, j. 1. op.cit. h. 521.



dilantik menjadi tenaga pengajar Ma'had Qira'at al-Azhar, cawangan Kaherah.

2. Pernah mengajar di Ma'had al-Dini di Wadi Madani, Sudan pada tahun 1954 hingga 1956.

3. Pada tahun 1956 beliau pulang semula ke Mesir dan menyambung semula tugasnya di Ma'had Qira'at al-Azhar. Di waktu itu juga beliau dilantik sebagai salah seorang pakar rujuk Pentashihan al-Quran, Bahagian, Universiti al-Azhar yang dipengerusikan sendiri oleh guru beliau, Syaykh 'Abd al-Fattah al-Qadi.

4. Pada tahun 1960 hingga 1964 beliau dipinjamkan ke Ma'had Ghazzah, Palestin.<sup>64</sup>

5. Setelah tamat kontrak dengan Ma'had Ghazzah, beliau sekali lagi pulang ke tanah airnya untuk mengajar di Ma'had Qira'at Al-Azhar semula. Tidak lama kemudian beliau dilantik pula sebagai salah seorang ahli Jawatankuasa Penyeliaan Rakaman Al-Quran, Bahagian Penyiaran Mesir pada tahun 1965.<sup>65</sup>

6. beliau juga pernah mengajara di Universiti Um Darman al-Islamiyyah, Sudan bermula tahun 1970 hingga 1973 dan di Universiti al-Khartum pada tahun 1973 sehingga 1976. Sewaktu di Sudan, beliau seringkali muncul bersiaran dalam episod-episod perbincangan isu-isu agama.

7. Bermula tahun 1976 beliau dilantik sebagai salah seorang tenaga pengajar di Universiti Islam Madinah dan ianya berlanjut selama 13 tahun.

9. Beliau telah menyelia dan menjadi pemeriksa kepada lebih 100 tesis peringkat Master dan Doktor Falsafah.<sup>66</sup>

64 Lihat bhg. Perjalan Pengajian beliau dalam bab ini.

65 Alim *Qira'at* dan *Qari* Mesir hebat, yang banyak membuat rakaman al-Quran dalam pelbagai *riwayat* bacaan *Qira'at*. Banyak menulis buku-buku, antaranya *Ahkam Qira'ah al-Quran al-Karim* dan *Ma'alim al-Ihtida'* ila *Ma'rifah al-Waqf wa al-Ibtida'* dll. Meninggal pada 1401H. Lihat Mahmud Khalil al-Husari (1995M/1416H), *Ahkam Qira'ah al-Quran al-Karim*, ta'liq: Muhammad Talhah Minyar, Makkah al-Mukarramah: Jama'ah Tahfiz al-Quran al-Karim, h. 3 dan 'Abd al-Badi' Saqr (1406H), *al-Tajwid wa 'Ulum al-Quran*, c. 6. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 134.

66 Temuramah U.Khairul Anuar Mohamad, opcit.



### 3. SUMBANGAN DALAM PENULISAN

Berikut sumbangan penulisan beliau mengikut pelbagai bidang dan cetakannya:

#### 1. Ilmu *Qira'at, 'Ulum al-Quran dan Tajwid*

No.	Judul Buku	Cetakan/Terbitan dan Tahun
1.	Irsyad al-Talibin ila Dabt al-Kitab al-Mubin.	1. Diterbitkan oleh Universiti Al-Azhar Al-Syarif, Bahagian Ma'had-Ma'had Al-Azhar, cetakan  Maktabah al-Matabi' al-Amiriyyah, al-Qaherah (1995M/1416H).  2. Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1423H).
2.	Al-Irsyadat al-Jaliyyah fi al-Qira'at al-Sab' min Tariq al-Syatibiyyah, 3 juzuk.	1. Diterbitkan oleh Universiti Al-Azhar Al-Syarif, Bahagian Ma'had-Ma'had al-Azhariyyah, Matabi' Dar al-Sya'b, al-Qaherah (tanpa tarikh).  2. Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1423H).
3.	Al-Ifsah 'anma Zadat al-Durrah 'ala al-Syatibiyyah, 2 juzuk.	1. Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath, al-Qaherah (1984M/1404H).  2. Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1403H).
4.	Al-Tadhkirah fi al-Qira'at al-Thalath al-Mutawatirah wa Tawjihihā min Tariq al-Durrah, 2 juzuk.	1. Maktabah al-Qaherah, al-Qaherah (1978M/1298H).  2. Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1403H).
5.	Al-Tabsirah 'an ma Zadat al-Tayyibah 'ala al-Syatibiyyah wa al-Durrah.	Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1403H).



6.	Al-Taudihat al-Jaliyyah, Syarh al-Manzumah al-Sakhawiyyah.	Sama (2003M/1403H).
7.	Al-Taudihat al-Jaliyyah fi al-Qira'at al-Sab' wa Tawjihih min Tariq al-Syatibiyyah.	Sama (2003M/1403H) .
8.	Al-Raid fi Tajwid al-Quran.	Sama (2003M/1403H).
9.	Al-Risalah al-Bahiyyah fi Qira'at Abi 'Amr al-Duriyy.	Sama (2004M/1424H).
10.	Al-Fath al-Rabbani fi 'Alaqah al-Qira'at bi al-Rasm al-'Uthmani.	1. Universiti Islam Madinah, Madinah (1994M/1415H). 2. Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1403H).
11.	Al-Qira'at wa Atharuha fi 'Ulum al-'Arabiyyah.	1. Maktabah al-Kuliyyat al-Azhariyyah, al-Qaherah (1984M/1404H). 2. Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1423H).
12.	Al-Qaul al-Sadid fi al-Difa' 'an Qira'at al-Quran al-Majid fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah.	Dar Muhaysin, al-Qaherah (2002M/1423H)
13.	Al-Kamil fi al-Qira'at al-'Asyr al-Mutawatirah min Tariqay al-Syatibiyyah wa al-Durrah.	Sama (2003M/1403H).
14.	Al-Mabsut fi al-Qira'at al-Syadhdhah, 2 juzuk.	Sama (2003M/1403H).
15.	Al-Mujtaba fi Takhrij Qira'at Abi 'Amr al-Duri.	Sama (2003M/1423H).
16.	Al-Mukhtar, Syarh al-Syatibiyyah fi al-Qira'at al-Sab' ma' Tawjih al-Qira'at.	Sama (2003M/1403H).
17.	Al-Mustanir fi Takhrij al-Qira'at min Hayth al-Lughah wa al-I'rab wa al-Tafsir, 3 juzuk.	1. Dar al-Jayl, Bayrut (1989M/1409H). 2. Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1423H).




18.	Al-Misbah fi al-Qira'at al-Sab' wa Tawjihihha min Tariq al-Syatibiyyah.	Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1403H).
19.	Al-Mughnifi Tawjihal-Qira'at al-'Asyr al-Mutawatirah, 3 juzuk.	1. Dar al-Jayl, Bayrut (1988M.1408H). 2. Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1423H).
20.	Al-Muhaddhab fi Tawjih al-Qira'at al-'Asyr wa Tawjihihha min Tariq Taiyyibah al-Nasyr, 2 juzuk.	1. Diterbitkan oleh Universiti Al-Azhar Al-Syarif, Bahagian Ma'had-Ma'had al-Azhariyyah, Matabi' Dar al-Sya'b, al-Qaherah (1976M/1396H). 2. Dar Muhaysin, al-Qaherah 2003M/1423H).
21.	Al-Nujum al-Zahirah fi al-Qira'at al-'Asyr al-Mutawatirah wa Tawjihihha min Tariqay al-Syatibiyyah wa al-Durrah.	Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1423H).
22.	Al-Hadi, Syarh al-Tayyibah al-Nasyr fi al-Qira'at al-'Asyr wa al-Kasyf 'an 'Ilal al-Qira'at wa Tawjihihha, 3 juzuk.	1. Dar al-Jayl, Bayrut (1997M). 2. Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1423H).
23.	Al-Asybah wa al-Nazair fi Tawjih al-Qira'at.	Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1403H).
24.	Tahzib Ithaf Fudala' al-Basyar fi al-Qira'at al-Arba' 'Asyr.	Sama (2003M/1403H).
25.	Syarh Tuhfah al-Atfal wa al-Jazariyyah li Bayan al-Ahkam al-Tajwidiyah.	Sama (2003M/1403H).
26.	Syarh al-Manzumah al-Sakhawiyyah fi Mutasyabihat al-Qira'at al-Quraniyyah.	Sama (2003M/1403H).
27.	Syarh Tayyibah al-Nasyr fi al-Qira'at al-'Asyr.	Sama (2003M/1403H).



28.	Fi Rihab al-Qira'at.	1. Maktabah al-Kuliyyat al-Azhariyyah, al-Qaherah (1984M/1404H). 2. Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1403H) .
29.	Mursyid al-Murid ila 'Ilm al-Tajwid.	Dar Muhaysin, al-Qaherah (2002M/1423H).
30.	Al-Qira'at al-Sab' al-Muyassarah.	Sama (2003M/1403H).

## 2. Tafsir Dan 'Ulum Al-Quran

No.	Judul Buku	Cetakan/Terbitan
1.	Al-Hadi ila Tafsir Gharib al-Quran.	Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1403H).
2.	I'jaz al-Quran.	Sama (2003M/1403H) .
3.	I'jaz wa Balaghah al-Quran.	Sama (2003M/1403H).
4.	A'lam Huffaz al-Quran.	Sama (2003M/1403H).
5.	Al-Burhan fi I'jaz wa Balaghah al-Quran.	Sama (2003M/1403H).
6.	Al-Riwayat al-Sahihah fi Asbab al-Nuzul wa al-Nasikh wa al-Mansukh.	Sama (2003M/1403H).
7.	Al-Kasyf 'an Asrar Tartib al-Quran.	Sama (2003M/1403H).
8.	Al-Lo'lo' al-Manthur fi Tafsir al-Quran bi al-Ma'thur, 6 juzuk.	Sama (2003M/1423H).
9.	Tarikh al-Quran.	Sama (2003M/1403H).
10.	Rawa'i al-Bayan fi I'jaz al-Quran.	Sama (2003M/1403H).



11.	Tabaqat al-Mufassirin wa Manahijuhum.	Sama (2003M/1403H).
12.	Fath al-Rahman al-Rahim fi Tafsir al-Quran al-Karim, 14 juzuk.	Sama (2003M/1423H).
13.	Fath al-Malik al-Mannan fi 'Ulum al-Quran, 3 juzuk.	Sama (2003M/1403H).
14.	Fath al-Rahman fi Asbab Nuzul al-Quran.	1. Dar al-Afaq al-Arabiyyah, al-Qaherah (2002M/1423H).  2. Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1403H).
15.	Fadl Qira'ah Ba'd Ayat wa Suwar min al-Quran Muaiyyidan bi al-Sunnah al-Nabiyy Salla Allah 'alaiah wa Sallam.	Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1403H).
16.	Fi Rihab al-Quran, 2 juzuk.	1. Maktabah al-Kuliyyat al-Azhariyyah, al-Qaherah (1980M/1400H).  2. Dar Muhaysin, al-Qaherah (2002M/1423H).
17.	Fi Riyad al-Quran (rangkaian hadith-hadith).	Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1403H).
18.	Mu'jam Huffaz al-Quran 'Abr al-Tarikh, 2 juzuk.	1. Dar al-Jayl, Bayrut (1992M/1412H).  2. Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1423H).
19.	Mu'jam 'Ulum al-Quran, 3 juzuk.	Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1403H).



20.	Min Wasaya al-Quran al-Karim.	Sama (2003M/1403H).
-----	-------------------------------	------------------------

### 3. Fiqah Dan Ibadat

No.	Judul Buku	Cetakan/ Terbitan
1.	Athar 'Ibadat fi Tarbiyah al-Muslim.	Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1403H).
2.	Ahkam al-Taharah wa al-Salah fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah, 2 juzuk.	Sama (2003M/1403H).
3.	Al-Irsyadat ila A'mal al-Ta'at.	Sama (2003M/1403H).
4.	Al-Taghib fi al-A'mal al-Masyru'ah fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah.	Sama (2003M/1403H).
5.	Al-Hajj wa al-'Umrah fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah wa Atharuhima Tarbiyah al-Muslim wa Ahkam Qasr al-Salah wa Jam'iham fi al-Safar.	1. Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, Matba'ah 'Isa al-Babiyy, al-Halabiyy wa Syurakah, al-Qaherah (tanpa tarikh).  2. Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1423H).
6.	Al-Hudud fi al-Islam fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah wa al-Kasyf 'an Hikmah al-Tasyri' al-Islamiyy min Iqamatihā.	Sama (2003M/1403H).
7.	Al-Salah fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah wa Atharih fi Tarbiyah al-Muslim.	Sama (2003M/1403H).



8	Al-Siyam Ahkmuh wa Aadabuh wa Fadailuh wa Atharuh fi Tarbiyah al-Muslim.	1. Muassasah Syabab al-Jami'ah, Iskandariyyah 2002M/1423H). 2. Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1403H).
9.	Fiqh al-Kitab wa al-Sunnah.	Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1403H).
10.	Al-'Ibadat wa Atharuha fi Tarbiyah al-Muslim fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah.	Sama (2003M/1403H).
11.	Al-Fadail min al-A'mal allati Taqarrab min Allah Ta'ala.	Sama (2003M/1403H).
12.	Al-Muharramat fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah.	Sama (2003M/1403H)
13.	Taammulat fi Athar al-'Ibadat wa A'mal al-Ta'at fi Tarbiyah al-Muslimin wa al-Muslimat.	Sama (2003M/1403H).
14.	Arkan al-Islam.	Sama (2003M/1403H).

#### 4. *Mu'amalat*

No.	Judul Buku	Terbitan/ Cetakan
1.	Al-Usrah al-Sa'idah fi Zil Ta'alim al-Islam.	Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1403H).
2.	Al-Haq Ahaq an Yuttaba'.	Sama (2003M/1403H).
3.	Huquq al-Insan fi al-Islam.	Sama (1992M/1412H).



4.	Hikmah al-Tasyri' al-Islami	Sama (2003M/1403H).
5.	Nizam al-Usrah fi al-Islam.	Sama (2003M/1403H).

## 5. *Tarajim*

No.	Judul Buku	Cetakan/Terbitan
1.	Abu 'Ubayd al-Qasim Ibn Sallam: Hayatuh wa Atharuh al-Lugawiyyah (asalnya tesis sarjana).	Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1403H).
2.	Abu Bakr Muhammad bin al-Qasim al-Anbari Hayatuh wa Atharuh.	Sama (2003M/1403H).
3.	Tarajim li Ba'd 'Ulama' al-Qira'at.	Sama (2002M/1423H).

## 6. *Islamiyyat Dan Fatwa*

No.	Judul Buku	Cetakan/Terbitan
1.	Ant Tas'al wa al-Islam Yajib.	Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1403H).
2.	Al-Thaqafiyyah al-Islamiyyah fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah.	Sama (2003M/1403H).
3.	Al-Siraj al-Munir fi al-Thaqafah al-Islamiyyah.	Sama (2003M/1403H).
4.	Fi Rihab al-Islam.	Sama (2003M/1403H).



## 7. Sirah

No.	Judul Buku	Cetakan/ Terbitan
1.	Al-Anwar al-Sati'ah 'ala Dalail Nubuwah Sayyidina Muhammad Salla Al-lah 'alaih wa Sallam wa Akhlaquh al-Karimah al-Fadilah fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah.	Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1403H).
2.	Al-Khasais al-Muhammadiyyah wa al-Mu'jizat al-Nabawiyyah fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah.	Sama (2003M/1403H).

## 8. Bahasa

No.	Judul Buku	Cetakan/Terbitan
1.	Al-Nahw al-Muyassar.	Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1403H).
2.	Tasrif al-Asma' wa al-Af'al (Fi Daw' Asalib al-Quran).	Sama (2003M/1403H).
3.	Taudih al-Nahw.	Sama (2003M/1403H).
4.	Mu'jam Qawaaid al-Nahw wa Huruf al-Ma'ani.	Sama (2003M/1403H).
5.	Ahkam al-Waqf wa al-Wasl fi al-'Arabiyyah.	Sama (2003M/1403H).
6.	Al-Kasyf 'an Ahkam al-Waqf wa al-Wasl fi al-'Arabiyyah (Tesis asal Doktor Falsafah).	1. Dar al-Jayl, Bayrut (1992M/1412H).  2. Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1424H).



7.	Al-Muqtabis min al-Lahjat al-'Arabiyyah wa al-Quraniyyah, 3 juzuk.	1. Maktabah al-Kuliyyat al-Azhariyyah, al-Qaherah (1978M/1389H).  2. Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M /1423H).
----	--------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

## 9. *Al-Ghaibiyat Wa Al-Ma'thurat*

No.	Judul Buku	Cetakan/ Terbitan
1.	Hadith al-Ruh fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah.	Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1403H).
2.	Al-Ad'iayah al-Ma'thurah 'an al-Hadi al-Basyir Salla Allah 'alaih wa Sallam.	Sama (2003M/1403H).
3.	Al-Tabsirah fi Ahwal al-Qubur wa al-Dar al-Akhirah.	Sama (2003M/1403H).
4.	Al-Du'a' al-Mustajab fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah.	Sama (2003M/1403H).
5.	Maudu'at Islamiyyah fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah, 2 juzuk.	Sama (2003M/1403H).

## 10. Dakwah

No.	Judul Buku	Cetakan/ Terbitan
1.	Ahadith Diniyyah wa Thaqafiyah fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah.	Dar Muhaysin, al-Qaherah (2002M/1424H).
2.	Al-Targhib wa al-Tarhib fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah.	Sama (2003M/1403H).



3.	Al-Da'wah ila Wujuh al-Tamassuk bi Ta'alim al-Islam.	Sama (2003M/1403H).
4.	Diwan Khutab al-Jum'ah Wifqan li Ta'alim al-Islam.	Sama (2003M/1403H).
5.	Sabil al-Rasyad fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah.	Sama (2003M/1403H).
6.	Fi Rihab al-Sunnah al-Mutahharah, Siraj li Kull Wa'iz wa Mursyid wa Khatib.	Sama (2003M/1403H).
7.	Manhaj al-Anbiya' fi al-Da'wah ila Allah.	Sama (2003M/1403H).
8.	Wasaya wa Mawa'iz fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah.	Sama (2003M/1403H).

## 11. Buku-Buku Yang Ditahqiq Dan Ditashih

a. *Tahqiq*:

No.	Judul Buku	Cetakan/ Terbitan
1.	Al-Nasyr fi al-Qira'at al-'Asyr li Ibn al-Jazari.	Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1403H).
2.	Syarh al-Tayyibah li Ibn Nadim.	Sama (2003M/1403H).
3.	Al-Mughni li Ibn Qudamah.	Sama (2003M/1403H).

b. *Tashih*:

No.	Judul Buku	Cetakan/ Terbitan
1.	Hasyiyah al-'Allamah al-Sibban 'ala Tafsir al-Jalalain, 4 juzuk.	Dar Muhaysin, al-Qaherah (2003M/1403H).
2.	Nur al-Absar fi Manaqib Aal Bayt al-Nabiyy al-Mukhtar.	Sama (2003M/1403H).



3.	Is'af al-Raghibin fi Sirah al-Mustafa Salla Al-lah 'alaih wa Sallam wa Fadail Ahl Baytih al-Tahirin.	Sama (2003M/1403H).
----	------------------------------------------------------------------------------------------------------	------------------------

Sebahagian besar buku-buku Syaykh Muhaysin dalam bidang *Qira'at* dan *Tajwid* boleh didapati di kebanyakan perpustakaan-perpustakaan Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta seperti, UKM, UM, USIM, UIAM, KUIS dan lain-lain. Manakala buku-buku beliau dalam bidang lain jarang dijumpai di perpustakaan-perpustakaan tersebut.

## BUKU-BUKU BELIAU DIJADIKAN RUJUKAN ILMU *QIRA'AT*

Antara karya-karya *Qira'at* beliau yang diguna pakai oleh institusi-institusi pengajian tinggi luar dan dalam negara ialah kitab “al-Muhadhdhab fi al-Qira'at al-'Asyr wa Tawjihih min Tariq Tayyibah al-Nasyr”<sup>67</sup> dan kitab “al-Irsyadat al-Jaliyyah fi al-Qira'at al-Sab' min Tariq al-Syatibiyyah”.<sup>68</sup> Manakala kitab lain yang pernah diguna pakai oleh institusi-institusi pengajian tinggi ialah kitab “al-Mustanir”,<sup>69</sup> “al-Fath al-Rabbani fi 'Alaqah al-Qira'at bi al-Rasm al-'Uthmani”,<sup>70</sup> “al-Risalah al-Bahiyyah”,<sup>71</sup> “al-Mujtaba fi Takhrij Qira'ah Abi 'Amr al-Duri”,<sup>72</sup> “Fi Rihab al-Qira'at”<sup>73</sup> dan kitab “al-Qira'at wa Atharuha fi 'Ulum al-Lughah al-'Arabiyyah”.<sup>74</sup> Antara institusi-institusi luar negara yang masih dan pernah

67 Kitab yang membincarkan bacaan *imam-imam Qira'at* sepuluh yang bermula dari awal al-Quran hingga akhir.

68 Kitab yang membincarkan bacaan *imam-imam Qira'at* Tujuh yang bermula dari awal al-Quran hingga akhirnya.

69 Kitab yang membincarkan kaedah-kaedah *takhrij Qira'at Mutawatirah* dari sudut *lughahnya*, *i'rab* dan penafsirannya. Skop perbincangannya ialah *Qira'at 'Asyarah* yang bermula dari surah al-Baqarah hingga akhir al-Quran. Lihat Dr. Muhammad Salim Muhaysin (1989M/1409H), *al-Mustanir*, j. 1. Bayrut: Dar al-Jayl, h. 5.

70 Sebuah kitab yang membincarkan hubungan antara Ilmu *Qira'at* dengan Ilmu Rasm 'Uhmani berserta dengan contoh-contohnya. Lihat Prof. Dr. Muhammad Salim Muhaysin (1994M/1415H), *al-Fath al-Rabbani*, op.cit., h. 14.

71 Kitab yang membahaskan perbezaan bacaan Abu 'Amru al-Duriyy dengan Hafs melalui *tariq al-Syatibiyy*. Lihat Prof. Dr. Muhammad Salim Muhaysin (2004M/1424H), *al-Risalah al-Bahiyyah*, Dar Muhaysin: Kaherah, h. 3.

72 Kitab yang mentakhrijkan bacaan Abu 'Amru. Lihat Prof. Dr. Muhammad Salim Muhaysin (2003M/1424H), *al-Mujtaba*, c. 4. h. 5.

73 Kitab yang membincarkan Ilmu *Qira'at* secara meluas dan panjang lebar. Kitab tersebut tiada di pasaran kerana ianya masih dalam proses percetakan semula oleh Dar Muhaysin.

74 Kitab yang membahaskan kesan dan pengaruh Ilmu *Qira'at* dalam Bahasa 'Arab dengan penuh berkesan. Lihat Dr. Muhammad Salim Muhaysin (1984M/1404H), *al-Qaira'at wa Atharuha fi 'Ulum al-'Arabiyyah*, j. 1. Kaherah: Maktabah al-Kuliyyat al-Azhariyyah, h. 5.



menjadikan kitab-kitab Syaykh Muhaysin sebagai rujukan asas/utama atau salah satu rujukan asas dalam pembelajaran *Qira'at* Sepuluh dan Tujuh di peringkat ijazah sarjana dan sarjana muda ialah, Fakulti al-Quran al-Karim al-Karim, Universiti al-Azhar, cawangan Tanta<sup>75</sup> telah menjadikan kitab al-Muhadhdhab dan al-Irsyadat sebagai rujukan utama dalam Pengajian *Qira'at*<sup>76</sup>, Ma'had Qira'at al-Azhar sendiri di semua cawangannya di seluruh negeri Mesir menjadikan kedua-dua kitab tersebut sebagai rujukan utama di peringkat Pengajian ‘Aliyah dan Takhassus<sup>77</sup> dan Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Abad, Universiti al-Khartum, Sudan telah menjadikan kitab al-Mustanir sebagai salah satu rujukan utama bagi pelajar peringkat ijazah sarjana dan sarjana muda.<sup>78</sup>

Selanjutnya Universiti al-Imam Muhammad bin Sa'ud al-Islamiyyah, Saudi Arabia, telah menjadikan kitab al-Fath al-Rabbani fi ‘Alaqah al-Qira'at bi al-Rasm al-'Uthmani sebagai salah satu rujukan utama dalam pengajaran Ilmu Rasm ‘Uthmani,<sup>79</sup> Universiti Islam Madinah juga pernah menjadikan kitab Fi Rihab al-Qira'at sebagai salah satu rujukan dalam Pengajian *Qira'atnya*<sup>80</sup> dan Kerajaan Sudan menjadikan kitab al-Risalah al-Bahiyyah dan al-Mujtaba sebagai rujukan untuk masyarakat umum memahami *Qira'at Abu 'Amru*.<sup>81</sup>

Di Malaysia pula, kitab “al-Irsyadat al-Jaliyyah” sentiasa menjadi pilihan utama beberapa institusi pengajian tinggi awam sebagai rujukan Pengajian *Qira'at* peringkat ijazah sarjana muda. Sebagai contoh, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui kursus Pengantar *Qira'at* dan Hafazan yang merupakan kursus wajib Fakulti Pengajian Islam dan kursus Pengajian *Qira'at*, kursus wajib Jabatan al-Quran dan al-Sunnah telah menjadikan kitab tersebut sebagai salah satu rujukan asas.<sup>82</sup> Universiti Sains Islam Malaysia

75 Penulis pernah menjadi salah seorang penuntut Fakulti tersebut bermula pada pertengahan tahun 1995 hingga ke pertengahan 1999.

76 Lihat Jami'ah al-Azhar al-Syarif (1993M), *Dalil al-Kulliyat al-Dirasat al-Islamiyyah: Kuliyyah al-Quran al-Karim li al-Qiraat wa 'Ulumiha*, Kaherah: Jami'ah al-Azhar al-Syarif, h. 50.

77 Al-Idarah al-'Ammah li al-Ma'ahid al-Azhariyyah (1991M), *Dalil al-Ma'ahid al-Qira'at al-Azhariyyah*, Kaherah: al-Idarah al-'Ammah li al-Ma'ahid al-Azhariyyah, h. 30.

78 Lihat Dr. Muhammad Salim Muhaysin (1989M/1409H), *al-Mustanir*, op.cit. h. 5.

79 Lihat kultip depan Prof. Dr. Muhammad Salim Muhaysin (1994M/1415H), *al-Fath al-Rabbani fi 'Alaqah al-Qira'at bi al-Rasm al-'Uthmani*, op.cit.

80 Lihat lampiran Prof. Dr. Muhammad Salim Muhaysin (2003M/1424H), *al-Lo 'lo' al-Manthur Fi Tafsir al-Quran bi al-Ma'thur*, j. 2. Kaherah: Dar Muhaysin.

81 Lihat lampiran ibid, j. 2.

82 Lihat Universiti Kebangsaan Malaysia (2006M), *Panduan Prasiswa: Fakulti Pengajian Islam*, sesi akademik 2006/2007, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 180 dan 182.



(USIM)<sup>83</sup> juga menjadikan kitab tersebut sebagai salah satu rujukan asas peringkat ijazah sarjana muda untuk dua kursus, iaitu Pengantar Qiraat dan Hafazan yang merupakan kursus teras semua Fakulti Pengajian Islam dan Rasm al-Quran dan Dabt al-Quran yang merupakan kursus teras Fakulti al-Quran dan al-Sunnah pula.<sup>84</sup>

## KESIMPULAN

Syaykh Muhaysin seorang tokoh berjasa yang telah banyak menghabiskan masanya untuk berkhidmat kepada ilmu. Sebagai bukti, beliau telah meninggalkan timbunan pelbagai khazanah ilmu yang amat bermanfaat untuk tatapan generasi terkemudian. Sumbangan beliau dalam dunia penulisan bukan hanya terbatas kepada Ilmu *Qira'at* sahaja bahkan kepada banyak ilmu lain seperti Bahasa Arab, Tawhid, Fekah dan lain-lain. Kesungguhan dan kegigihannya terbukti dengan terhasilnya 104 buah judul buku dalam pelbagai bidang tersebut. Dalam dunia pengajaran, beliau telah menaburkan sumbangannya di banyak institusi dan universiti di Mesir, Sudan, Palestin dan Arab Saudi.

Antara hasil karya-karya beliau, ada yang telah dijadikan sebagai rujukan penting dalam pembelajaran terutamanya dalam bidang *Qira'at*. Karya-karya tersebut mempunyai jasanya yang tersendiri kepada seluruh penuntut ilmu tersebut.

Beliau juga adalah seorang tokoh yang aktif berfikir dengan mengutarakan beberapa idea dan pendapat yang berkaitan dengan Ilmu *Qira'at*. Walaupun ada pro dan kontra terhadap pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh beliau, ianya tidak menjaskankan kredibiliti beliau sebagai tokoh ilmuan *Qira'at*.

---

83 Dahulunya dikenali dengan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM).

84 Lihat Kolej Universiti Islam Malaysia (2006M), *Panduan Akademik: Fakulti Pengajian al-Quran dan al-Sunnah*, sesi: 2006/2007, Bandar Baru Nilai: Kolej Universiti Islam Malaysia, h. 117 dan 120.